

24 JAN 2002

Taib-Jawatan

MOHD TAIB LETAK JAWATAN PENGERUSI UMNO SELANGOR

KUALA LUMPUR, 24 Jan (Bernama) -- Bekas Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Taib telah meletak jawatan sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Selangor.

Ketika mengumumkan perkara itu hari ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata jawatan itu kini disandang Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohd Khir Toyo.

Katanya, Muhammad Taib, yang juga Naib Presiden Umno, meletakkan jawatannya secara sukarela dan telah dilantik sebagai Timbalan Pengerusi badan perhubungan itu.

Semasa bercakap pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di ibu pejabat parti di sini, Perdana Menteri berkata pertukaran jawatan itu adalah proses biasa seperti juga yang berlaku di Pahang dan Johor yang membabitkan dua orang lagi Naib Presiden parti.

Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak dan Tan Sri Muhyiddin Yassin memegang jawatan sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno di negeri masing-masing.

Sementara itu, Muhammad ketika ditemui berkata perletakan jawatan itu dibuat setelah beliau merasakan sudah sampai masa untuk Dr Mohd Khir mengambil alih jawatan itu.

"Saya fikir Dr Mohd Khir setelah satu tahun setengah menjadi Menteri Besar dan beliau sudah saya anggap "qualified" untuk ambil alih, malahan ia juga (untuk) menjadi Pengerusi Barisan Nasional (BN) negeri dan lebih elok diseragamkan jawatan Umno di bawah satu pemimpin," katanya.

"Saya fikir elok diselaraskan seperti semua negeri di mana Menteri Besar menjadi pengerusi perhubungan negeri," katanya.

Muhammad berkata hasrat itu telah beliau maklumkan kepada Dr Mohd Khir sejak tahun lepas dan keputusan itu dimaklumkan kepada badan perhubungan Umno negeri pada mesyuaratnya Isnin lepas.

Katanya, semasa menjadi Menteri Besar Selangor (1986-1997), beliau juga pernah memegang jawatan itu dan pengerusi BN negeri.

-- BERNAMA

RZS DC MOZ